

1MDB akan jawab soalan Tony Pua dalam siasatan PAC
Malaysian Insider
Oct 21, 2015

1Malaysia Development Berhad (1MDB) bersedia menjawab segala pertanyaan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua sewaktu siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

"Kami tidak sabar untuk menjawab Tony Pua – setiap proses berkaitan serta dengan semua bukti sokongan, pada siasatan PAC akan datang," kata syarikat itu dalam kenyataan di Kuala Lumpur hari ini.

1MDB juga berkata ia sudah mengemukakan dokumen syarikat yang sah termasuk minit mesyuarat Lembaga Pengarah kepada pihak berkuasa yang melakukan siasatan seperti polis dan ketua audit negara.

"Ketua audit negara juga mengesahkan laporan akhir akan siap sebelum akhir tahun ini," katanya.

Syarikat itu menjelaskan laporan akhir berkenaan akan diserahkan kepada PAC yang Pua merupakan ahlinya, sebelum jawatankuasa itu membentangkan hasil siasatan mereka kepada Parlimen.

Semua maklumat berkaitan akan dibuka kepada awam selepas ia dibentangkan di Parlimen, katanya.

"1MDB kekal fokus memberikan kerjasama kepada pasukan siasatan pihak berkuasa," katanya. – Bernama, 21 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/1mdb-akan-jawab-soalan-tony-pua-dalam-siasatan-pac>